

Kekalkan konsep keluarga tradisional

KUALA LUMPUR, Ahad — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menyarankan supaya konsep keluarga besar dipertahankan bagi mengelakkan Malaysia menjadi negara kebajikan ala Barat.

Perdana Menteri berkata, institusi kekeluargaan tradisional itu perlu dikekalkan supaya rakyat negara ini tidak menghadapi gejala yang menimpa banyak masyarakat maju.

Sambil menyatakan kebimbangannya terhadap institusi keluarga yang sudah mula menunjukkan tanda-tanda kemerosotan, beliau berkata, jika keadaan itu tidak diperkukuh-

kan, orang tua akan menjadi tanggungjawab kerajaan dan diletakkan di rumah kebajikan sepanjang hayat.

"Kita juga akan menyaksikan peristiwa sedih yang mana orang tua meninggal dunia dan dikebumikan tanpa kehadiran seorang pun anggota keluarganya," katanya ketika melancarkan Hari Keluarga Kebangsaan di Stadium Bandar Tun Razak, Cheras, hari ini.

Turut hadir ialah Menteri Pembangunan Masyarakat dan Perpaduan Negara, Datuk Napsiah Omar; Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal-Ehwal Pengguna, Datuk Dr Sulaiman Daud dan bekas Menteri

Kebajikan Masyarakat, Datuk Mustaffa Mohamad.

Menurut Perdana Menteri, jika aliran penghijrahan yang memisahkan seseorang dengan keluarganya tidak dipertahankan, lambat-laun ia akan menggugat institusi kekeluargaan.

"Oleh itu, satu usaha tertentu perlu dilakukan bagi mengekalkan institusi keluarga. Kita lihat sekarang, generasi ketiga mungkin terpisah langsung dengan kampung halaman dan keluarga tempat asal mereka.

"Di samping itu, hubungan kekeluargaan di bandar pula semakin merosot apabila pera-

● LIHAT MUKA 3

Kahwin campur perlu diterima

● DARI MUKA 1

saan tanggungjawab kepada keluarga berkurangan. Dengan aliran baru ini, semakin kurangnya pertalian kekeluargaan," katanya.

Beliau berkata, institusi keluarga di negara ini tidak semestinya terhad kepada talian kekeluargaan individu melalui proses anak cucu saja, sebaliknya kehidupan dalam masyarakat yang lebih besar dan berbilang kaum juga

sangat penting dipupuk demi keamanan dan kestabilan negara.

"Kita akan rugi kalau menjalin hubungan yang rapat dalam keluarga masyarakat Malaysia kerana di bandar, jiran kita bukan lagi daripada keluarga sendiri atau kaum yang sama.

"Jika sesama jiran tidak menjalin hubungan yang baik, pada masa tertentu kita tidak akan mendapat apa-apa bantuan atau pertolongan," katanya.

Dalam hubungan ini, Datuk Seri Dr Mahathir berkata, perkahwinan antara kaum hendaklah diterima dengan hati terbuka asalkan ia tidak melanggar adat atau agama.

"Bagaimanapun, kahwin campur bukanlah menjadi dasar kerajaan. Ia hanya pandangan saya kerana ada ahli keluarga saya yang bukan daripada kaum saya," katanya.